

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MEI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Jadikan FELDA Gedung makanan

Untuk bantu negara hadapi krisis bekalan makanan

KUALA LUMPUR

**K**awasan di bawah pembangunan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) seharusnya dijadikan sebagai antara gedung pengeluaran makanan utama negara seperti ternakan ayam dan lembu sekali gus mengurangkan pergantungan kepada import makanan.

Pengerusi Dewan Perniagaan Bumiputera Felda (DPBF), Mohd Mokhtar Ghazali berkata, wilayah pembangunan luar bandar itu memiliki potensi baik untuk dikembangkan bagi tujuan tersebut, seterusnya memenuhi keperluan makanan di Malaysia.

“Dengan mengambil kira masalah dihadapi negara dalam isu kontohnya harga ayam dan ternakan yang mahal, kenapa pihak Felda tidak menggalakkan ternakan ayam secara komersial.

“Saya juga melihat Felda mampu mewujudkan sumber makanan untuk ternakan tadi (melalui hasil kelapa sawit).

“Selain itu, dalam Felda sendiri banyak tanah kosong dan terbiar yang boleh dijadikan sebagai kawasan industri untuk produk ternakan,” katanya ketika ditemui semasa majlis pembukaan restoran DPBF, Seri Puteri Cafe di Batu Caves dekat sini pada Rabu.



MOHD MOKHTAR

# Jadikan Felda gedung makanan



Kawasan tanah yang luas di perkampungan Felda menjadikan ia lokasi sesuai untuk mengusahakan ladang ternakan secara komersial.

Hadir sama Penasihat DPBF yang juga bekas Profesor di Pusat Penyelidikan Sains Maklumat Geospatial Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Shattei Mansor.

Mengulas lanjut, Mohd Mokhtar berkata, untuk menjayakan idea tersebut, Felda

perlu bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Tambah beliau, langkah tersebut sekiranya berjaya dilaksanakan bukan sahaja dapat membantu negara menghasilkan makanan sendiri tetapi juga

mewujudkan peluang pekerjaan kepada generasi Felda di seluruh negara.

Dalam pada itu, Mohd Mokhtar berkata, Felda harus mengambil inisiatif melatih generasi baharu yang berada di dalam kawasan pembangunan tersebut untuk menceburi bidang perniagaan ekonomi hilir desa termasuk makanan yang menurutnya mempunyai nilai mencapai jutaan ringgit.

“Saya rasa anak Felda menunggu dan akan menerima apa sahaja cadangan diaturkan yang boleh membantu mereka membentuk ekonomi baharu.

“Kita lihat walaupun ekonomi merudum, tapi dalam soal potensi penghasilan makanan oleh industri kecil dan sederhana ini, ia sudah jadi keperluan utama rakyat Malaysia,” ujarnya.

